

HELAIAN MAKLUMAT PRODUK

Sila baca Helaian Maklumat Produk ini bersama-sama terma dan syarat yang tertera dalam Surat Tawaran sebelum menetapkan untuk mengambil Pinjaman Tunai Perniagaan Hong Leong. Sila hubungi pihak Bank, sekiranya memerlukan maklumat lanjut.



Pinjaman Tunai Perniagaan Hong Leong

Tarikh: <Tarikh Surat Tawaran>

1. Apakah produk ini?

Ini adalah kemudahan pembiayaan bertempoh tanpa cagaran untuk membantu memenuhi keperluan modal kerja anda. Pengiraannya berasaskan kadar berubah, ini bermakna anda membuat bayaran tetap sepanjang tempoh pinjaman.

2. Apakah yang saya perolehi daripada produk ini?

Kemudahan 1 – Pinjaman Bertempoh

Butiran	Pemerihaln
Amaun Kemudahan	RM <Jumlah Amaun Dipinjam>
Tempoh Bayaran Balik	<Tempoh Diluluskan> bulan
Kadar Ditetapkan / Kadar Pinjaman Efektif	Kadar Ditetapkan
	Kadar Pinjaman Efektif
	BLR + 2.0% setahun
	7.64%p.a.

Kadar pinjaman asas (BLR) pada masa ini ialah 5.64% setahun.

3. Apakah obligasi saya?

Penting: Amaun bayaran balik bulanan (ansuran) dan jumlah amaun bayaran balik akan berubah jika BLR berubah.

Kadar	Hari ini (BLR=5.64%)	Jika BLR naik 1%	Jika BLR naik 2%
Kemudahan – Pinjaman Bertempoh			
Amaun bayaran balik bulanan	RM <_>	RM <_>	RM <_>
Jumlah kos faedah pada penghujung <Tempoh Diluluskan> bulan	RM <_>	RM <_>	RM <_>
Jumlah amaun bayaran balik pada penghujung <Tempoh Diluluskan> bulan	RM <_>	RM <_>	RM <_>

Bank boleh mengubah amaun bayaran balik bulanan anda jika:

- amaunnya tidak mencukupi untuk menampung faedah pinjaman anda; atau
- bahagian bayaran balik pokok bulanan kurang daripada 10% amaun bayaran balik bulanan anda; atau
- semakan semula amaun bayaran balik bulanan anda perlu dibuat oleh Bank atau anda sendiri.

4. Berapakah fi dan caj yang saya perlu bayar?

- **Duti Setem**
Mengikut Akta Duti Setem 1949 (pindaan 1989)
- **Fi Guaman**
Mengikut skala dalam Perintah Saraan Peguam Cara (SRO).

Nota:

Semua fi dan caj termasuk duti setem, fi / kos guaman dan / atau fi pendaftaran bersabit dengan Pinjaman Tunai Perniagaan Hong Leong sebelum baki Amaun Kemudahan itu dibayar kepada anda melalui akaun yang anda namakan.

- **Fi Penamatan**
Fi Penamatan sebanyak RM2, 000.00 akan dikenakan jika Kemudahan ini atau apa-apa bahagian daripadanya dibatalkan oleh anda sebelum pembayaran Kemudahan biar apa pun sebabnya.
- **Fi Pemprosesan**
Fi Pemprosesan Sekali dikenakan bagi Kemudahan yang diluluskan. Pada masa ini semua Fi Pemprosesan dikecualikan.
- **Fi Jaminan CGC**
Sekiranya Jaminan Portfolio bagi Kemudahan ini diluluskan oleh Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (“CGC”), maka fi jaminan* yang anda kena bayar adalah berdasarkan liabiliti CGC di bawah nisbah perkongsian risiko** dengan bank. Fi Jaminan dikenakan oleh CGC pada setiap tahun berdasarkan amaun pokok belum jelas dan tertakluk kepada terma dan syarat lain yang dikenakan oleh CGC. Bank akan memasukkan Fi Jaminan ini ke dalam Kadar Ditetapkan Bank berasaskan ansuran bulanan yang sama.

Penting:

- * Pada masa ini Fi Jaminan adalah 2.50% setahun atas amaun belum jelas pokok. Fi Jaminan boleh berubah berdasarkan asas portfolio.
- ** Di bawah Skim Jaminan Portfolio, liabiliti CGC adalah 70% Amaun Kemudahan.

5. Apakah akan terjadi jika saya gagal menunaikan obligasi saya?

- Caj bayaran lewat sebanyak 1% setahun akan dikenakan atas amaun yang bertunggak, ini akan menyebabkan bertambahnya jumlah baki belum jelas.
- Jika sekiranya anda gagal menjelaskan mana-mana dua (2) ansuran bulanan berturut-turut sepanjang tempoh kemudahan ini, Bank akan atas budi bicara mutlaknya berhak mengubah Kadar Ditetapkan kepada 8.0% setahun lebih tinggi daripada BLR atas baki harian atau apa-apa kadar yang ditetapkan Bank atas baki belum jelas.
- Bank boleh tolak selesai sebarang baki kredit dalam mana-mana akaun yang diselenggara dengan Bank daripada apaapa baki belum jelas Kemudahan ini.
- Tindakan undang-undang akan diambil jika anda tidak mempedulikan notis peringatan yang dihantar oleh Bank.
- Tindakan undang-undang terhadap anda boleh menjejaskan penarafan kredit anda, dan ini akan mengakibatkan kredit anda menjadi lebih rumit atau mahal buat anda.

6. Bagaimana jika saya melangsaikan pinjaman sebelum tempoh matang?

Sekiranya penebusan awal berlaku, anda dikehendaki membayar balik Fi jaminan dengan penuh yang telah didahulukan oleh Bank kepada CGC untuk tahun itu.

7. Adakah saya memerlukan apa-apa perlindungan insurans?

“Hong Leong Credit Protector” atau Takaful Gadai Janji Berkurangan (MRTT) untuk melindungi peminjam sekiranya berlaku kematian atau hilang upaya kekal.tidak diwajibkan.

8. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan maklumat di dalam butiran peribadi saya?

Anda dikehendaki memaklumkan kepada pihak Bank jika terdapat perubahan maklumat di dalam butiran peribadi agar segala suratmenyurat sampai ke tangan anda tepat pada waktunya. Untuk mengemaskini maklumat peribadi anda, sila hubungi Bank melalui +603-7626 8899 atau mengunjungi mana-mana cawangan kami di seluruh negara.

9. Di manakah saya boleh mendapat bantuan dan penyelesaian?

- Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi talian Perkhidmatan Pelanggan kami di :
No Telefon : 03-7626 8899
Faks : 03-7946 8888
E-mel : HLOnline@hbb.hongleong.com.my
- Jika anda mengalami kesukaran untuk membuat bayaran balik pinjaman, anda perlu menghubungi Bank secepat mungkin untuk membincangkan kaedah pilihan bayaran balik yang lain.

Anda boleh menghubungi Pusat Kutipan kami di:

Alamat : Hong Leong Bank Berhad, Level 2, Tower A, PJ City Development 15A, Jalan 219, Section 51A,

Petaling Jaya, 46100 Selangor.
No Telefon : 03-7959 1888
Faks : 03-7873 8228
E-Mel : PFSBCLColl@internal.com

- Untuk pilihan lain, anda boleh mendapatkan perkhidmatan:

- a) Khidmat Nasihat Pembiayaan yang dirasmikan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) dengan kerjasama diantara Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC) dan Agensi Kaunseling & Pengurusan Kredit (AKPK) melalui MyKNP@CGC yang menyediakan khidmat nasihat dan cadangan kewangan kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang gagal memperoleh kelulusan pembiayaan perniagaan dari institusi kewangan.

Anda boleh menghubungi KNP di:

MyKNP@CGC Unit Khidmat Nasihat Kewangan CGC

Alamat : Pegawai penasihat KNP di mana-mana cawangan di seluruh negara. Untuk lokasi cawangan sila rujuk kepada laman web CGC di [https:// www.cgccom.my/cgc-branches/?lang=my](https://www.cgccom.my/cgc-branches/?lang=my)
No Telefon : 03- 7880 0088
E-Mel : myknp@cgccom.my
Laman Web : www.myknp.com.my

- b) Small Debt Resolution Committee (SDRC), ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk memberi bantuan kepada PKS.

Anda boleh menghubungi SDRC di:

SDRC Secretariat, Bahagian Pembangunan Kewangan dan Enterprise

Alamat : Bank Negara Malaysia (BNM), Jalan Dato' Onn 50480 Kuala Lumpur.
No Telefon : 1-300-88-5465
E-Mel : bnmtelelink@bnm.gov.my
Laman Web : www.bnm.gov.my

- Jika anda mempunyai sebarang aduan berkaitan Produk dan Perkhidmatan yang disediakan oleh Bank, sila hubungi:

Alamat : Customer Advocacy Hong Leong Bank, Level 13A, Menara Hong Leong, No.6, Jalan Damanlela, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur.
No Telefon : 03-76268801 / 03-76268802 / 03-76268812
E-Mel : customerservice@hlbb.hongleong.com.my

- Jika pertanyaan atau aduan anda tidak dapat diselesaikan oleh Bank, anda boleh hubungi:

Bank Negara Malaysia LINK or TELELINK di:

Alamat : Block D, Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur.
No Telefon : 1-300-88-5465
No Fax : 03-2174 1515
E-Mel : bnmtelelink@bnm.gov.my

10. Di manakah saya boleh mendapat maklumat lebih lanjut?

Jika maklumat lebih lanjut mengenai pembiayaan Perusahaan Kecil dan Sederhana diperlukan, sila rujuk kepada risalah bankinginfo bertajuk "Perusahaan Kecil dan Sederhana – Produk Pembiayaan bagi Perniagaan anda", yang terdapat di semua cawangan Bank dan laman web www.bankinginfo.com.my.

11. Pakej pinjaman lain yang disediakan

- **Pinjaman Kedai Perniagaan Cawangan Hong Leong**
- **Pinjaman Perumahan Perniagaan Cawangan Hong Leong**

12. Bagaimanakah cara membuat bayaran balik bulanan?

Bayaran balik bulanan boleh dibuat secara mudah melalui:

- Arahan tetap daripada akaun semasa Hong Leong Bank / Hong Leong Islamic Bank
- Perbankan Internet (www.hongleongonline.com.my atau www.hongleongconnect.my) atau melalui app telefon bimbit atau app tablet
- Sistem Bayaran Elektronik Malaysia (MEPS) atau Giro Antara Bank (IBG)*

Kaedah lain membuat bayaran balik:

- Pindahan ATM kepada akaun pembiayaan anda
- Masukkan bayaran ke dalam akaun pembiayaan anda melalui Mesin Deposit Tunai
- Deposit cek ke dalam akaun pembiayaan anda melalui Mesin Deposit Cek**
- Melalui kaunter di cawangan terdekat

Penting:

* Pembayaran IBG dalam talian hanyalah RM0.10 setiap transaksi.

** Mulai 2 Januari 2015, fi pemprosesan cek sebanyak RM0.50 dan setem duti RM0.15 akan dikenakan bagi setiap cek yang dikeluarkan.
Tertakluk kepada Cukai Kerajaan, jika berkenaan.

13. Adakah penjamin atau cagaran diperlukan?

- Seorang Penjamin atau lebih diperlukan.
- Jaminan oleh CGC atas nama Bank di bawah Skim Jaminan Portfolio untuk 70% Amaun Pinjaman.

NOTA PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANDA TIDAK MENERUSKAN PEMBAYARAN BALIK PINJAMAN TUNAI PERNIAGAAN ANDA.

Maklumat yang dipaparkan dalam kertas pendedahan ini adalah sah pada tarikh <Isikan Tarikh>